



## SIARAN AKHBAR

### PEMBERI PINJAMAN WANG TANPA LESEN

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa mana-mana pihak atau individu yang menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang hendaklah mempunyai lesen di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang, Penggal 62. Menurut Seksyen 8(1) Akta Pemberi Pinjaman Wang, menjalankan perniagaan meminjamkan wang tanpa lesen adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan denda B\$500 dan dipenjarakan selama tempoh 18 bulan. Dalam pada itu, BDCB tidak akan teragak-agak mengambil tindakan ke atas pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen.
2. BDCB juga ingin menasihatkan orang ramai yang ingin membuat pinjaman atau pembentangan kewangan untuk hanya berurusan dengan bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen dan berwaspada untuk tidak berurusan dengan pemberi pinjaman wang yang tidak berlesen (juga dikenali sebagai "Ah Long" atau "loan shark").
3. BDCB menasihatkan orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengesyaki entiti/individu yang menawarkan perkhidmatan pinjaman wang tanpa lesen agar menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau emel [fci@bdcb.gov.bn](mailto:fci@bdcb.gov.bn). Orang ramai juga dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika awda telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen tersebut. BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.
4. Untuk mendapatkan senarai institusi-institusi kewangan dan individu yang dilesenkan oleh BDCB serta BDCB Alert List, sila layari laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn).

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 23 Jamadilawal 1445H / 7 Disember 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.